

# ADUN galak masyarakat cegah denggi

S-14 03/02/09 M/S18.

ALANG AZIZAH MOKHTAR

**MERU** - Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru menggalakkan kawasan rukun tetangga (KRT), persatuan penduduk dan kariah masyarakat di sini supaya menganjurkan gotong-royong bagi mencegah wabak denggi daripada terus merebak.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Dr Abdul

Rani Osman berkata, pihaknya bimbang wabak itu akan terus menular di kawasan itu kerana beberapa penduduk telah disahkan dijangkiti penyakit berbahaya tersebut.

Menurutnya, satu kes kematian akibat denggi yang berlaku di Jalan Khamis di sini, minggu lalu menyebabkan pihaknya mahu semua penduduk mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan ia daripada berulang.

“Dua lagi penduduk dari Jalan Khamis kini dirawat kerana penyakit itu. Sebelum lebih ramai penduduk menerima nasib sama, kita telah mengadakan satu program gotong-royong membersihkan sekitar kawasan kediaman di situ sebagai langkah pencegahan.

“Jalan Khamis telah disytiharkan sebagai kawasan wabak maka penduduk di sini harus bekerjasama membersihkan kawasan kediaman dan sekitar bagi menghapus-

kan tempat pembiakan nyamuk Aedes,” katanya.

Beliau berkata, gotong-royong itu dianjurkan dengan kerjasama (MPK) dan juga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Meru dan disertai sebahagian besar penduduk.

Turut hadir pada gotong-royong itu, Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK), Wong Siah Ping dan Ketua Kampung Meru, Thairfoor Noor serta lebih 20 orang penduduk dari Jalan Khamis dan beberapa petugas MPK.

Abdul Rani berkata, adalah lebih baik mencegah daripada merawat, dan oleh itu beliau menasihatkan semua masyarakat untuk berusaha mencegah penyakit tersebut.

“Menghapuskan atau mengurangkan vektor nyamuk Aedes merupakan cara mencegah denggi paling efektif. membersihkan bekas-bekas takungan air terbukti ber-



Dr Abdul Rani (empat dari kiri) berucap kepada semua peserta gotong-royong penduduk di Jalan Khamis.

kesan untuk mengawal penyakit bawaan nyamuk itu,” kata beliau.

Katanya, seluruh jentera daripada pelbagai peringkat, KRT, persatuan taman, JKKK kampung masing-ma-

sing digalakkan membuat gotong-royong untuk mengelakkan nyamuk Aedes dari terus membiak secara berleluasa.

“Semua pihak harus melibatkan diri dan bekerjasama untuk memastikan wabak

ini daripada terus merebak. Orang ramai perlu mengambil inisiatif mereka sendiri untuk menjaga kebersihan dan tidak mengharapkan mana-mana pihak tertentu untuk melakukannya,” kata Dr Abdul Rani.

## fakta

Satu kes kematian akibat denggi yang berlaku di Jalan Khamis di sini, minggu lalu menyebabkan pihaknya mahu semua penduduk mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan ia daripada berulang.